

29 OCT 2003

Mahathir-Tioman

PEMBANGUNAN TIOMAN PERLU AMBILKIRA ALAM SEMULAJADI, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 29 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pembangunan di Pulau Tioman perlu dilakukan secara bijak dengan mengambilkira alam semulajadi yang menjadi tarikan pelancong ke pulau itu.

Perdana Menteri berkata beliau tidak mahu melihat kesan daripada pembangunan memusnahkan tumbuhan, pantai dan batu karang di perairan pulau yang dikatakan antara yang terindah di dunia itu.

"Ini semua perlu dijaga dengan baik kerana inilah yang menarik perhatian pelancong untuk berkunjung ke Pulau Tioman," katanya pada majlis pecah tanah lapangan terbang baru pulau itu yang diadakan secara jarak jauh menerusi sidang video di sini.

Sidang video itu menghubungkan Putrajaya dengan upacara serentak di tapak projek berkenaan di Kampung Paya di pulau berkenaan.

Dr Mahathir berkata kerajaan sanggup membelanjakan lebih RM100 juta bagi pembinaan lapangan terbang itu semata-mata untuk membangunkan industri pelancongan yang diharap dapat meningkatkan lagi pendapatan dan tahap kehidupan penduduk Pulau Tioman.

Lapangan terbang baru yang direkabentuk untuk menerima pesawat besar seperti Boeing 737 itu akan memudahkan aliran keluar masuk pelancong ke pulau berkenaan yang kini hanya mempunyai sebuah lapangan terbang kecil di Kampung Tekek.

Dr Mahathir berkata kecantikan Pulau Tioman tidak bermakna jika ia tidak dapat dinikmati oleh lebih ramai pengunjung.

"Jadi perlulah kita membuat sedikit pengorbanan melibatkan sebahagian kecil pulau ini untuk membina lapangan terbang supaya bahagian yang lebih besar dapat dinikmati oleh pelancong," katanya.

Beliau percaya pulau itu yang turut menikmati status pulau bebas cukai, akan membangun dengan pesat sebagaimana Pulau Langkawi yang dulunya merupakan antara tempat termundur di negara ini.

"Saya yakin Pulau Tioman akan dapat dibangunkan dengan lebih pesat dan penduduknya dapat menikmati lebih banyak nikmat hasil pembangunan itu," katanya.

Turut hadir ialah Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu dan Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis.

-- BERNAMA

MAM PR